

Mary Fatimah Haji Subet & Dayang Sariah Abang Suhai (2011). Melestarikan Modal Insan Cemerlang. Journal Of PROFES. December issue.

MELESTARIKAN MODAL INSAN CEMERLANG

Mary Fatimah Subet
Dayang Sariah Abang Suhai
Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak:

Pelajar sekolah merupakan modal insan negara yang mampu memulangkan semula modal pelaburan negara kepada mereka satu masa nanti, bukan dalam bentuk kewangan tetapi dalam bentuk kepakaran dan kebijaksanaan menguasai pelbagai disiplin ilmu. Mereka golongan yang berkepentingan dalam arus pembangunan negara. Selaras dengan Teras Kedua: Membangunkan Modal Insan yang dikemukakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, langkah-langkah yang berkenaan harus dilaksanakan untuk melestarikan modal insan ini agar cemerlang dalam apa-apa bidang yang mereka ceburi nanti. Dalam teras ini, dinyatakan harapan negara untuk mereka menjadi lebih kompeten dalam sains dan teknologi, di samping menjadikan mereka inovatif dan kreatif serta mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Oleh itu, sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri mereka diberi tumpuan. Tahun 2010 telah berlalu, namun usaha melestarikan modal insan cemerlang ini tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja. Berpandukan Teras ini, artikel ini membincangkan beberapa langkah yang boleh dilakukan oleh para guru untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat membantu pembentukan pelajar sebagai modal insan negara yang diharapkan itu. Langkah-langkah ini diharapkan akan sentiasa dapat dijadikan panduan untuk menghasilkan modal insan cemerlang ini.

Kata Kunci: Modal insan, teras, PIPP, kompeten, proses pengajaran dan pembelajaran

Pendahuluan

Dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan serta bertunjangkan sains dan teknologi ini, dan demi memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan, pembangunan sumber manusia perlu digilap kerana merupakan salah satu elemen terpenting dalam agenda pembangunan negara. Hal ini telah ditekankan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia satu ketika dahulu. Ekoran itu, telah ada wawasan serta usaha untuk membangunkan modal insan melalui pelbagai program pendidikan berkualiti dan holistik untuk memperlengkapkan warga Malaysia bagi menghadapi dunia global. Di samping pelbagai program pendidikan ini, usaha digembleng untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Semua ini diharap akan dapat melahirkan modal insan yang berfikiran dan berbudaya kelas pertama. Demi merealisasikan agenda negara, negara memerlukan barisan modal insan yang menguasai pelbagai ilmu pengetahuan, berkemahiran dan bermaklumat.

Langkah untuk Melastarikan Modal Insan Cemerlang